

'Selesai kemelut dengan bijaksana'

IPOH: Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali menyifatkan kemelut politik serta polemik yang berlaku antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad umpama 'ribut dalam cawan' yang boleh diselesaikan dengan cara bijaksana.

Tajol Rosli yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata, secara peribadi beliau beranggapan kemelut serta polemik antara kedua-dua pemimpin itu boleh diselesaikan asalkan tidak wujud anasir luaran.

"Justeru, sama-sama kita berusaha mengengkangnya dengan cara dan acuan kita sendiri yang kaya dengan ketertiban dan tatasusila yang kita amalkan selama ini," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung keem-

pat Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) cawangan Perak di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Mubarak, Tan Sri Zaleha Ismail mewakili Presidennya, Tan Sri Abdul Razak Alias dan Yang Dipertua Mubarak cawangan Perak, Datuk RM Idris Al-Hajj.

Polemik antara kedua-dua pemimpin itu mencetuskan pelbagai kontroversi selepas bekas Perdana Menteri mengkritik beberapa keputusan kerajaan, termasuk pembatalan projek jambatan menggantikan Tambak Johor.

Terdahulu, Zaleha dalam ucapannya berkata, Mubarak dalam mesyuaratnya Rabu lalu membuat keputusan untuk memberi sokongan tidak berbelah-bahagi kepada kera-

jaan pimpinan Abdullah.

Beliau berkata, Mubarak membuat keputusan itu kerana tidak mahu melihat Keadaan negara serta politik tidak stabil dan diburukkan lagi dengan pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan.

*'Seperti carik-carik
bulu ayam, lama-lama
akan bercantum jua
dan ia adalah
kebaikan untuk
bangsa Melayu'*

Katanya, "Mubarak berhasrat bertemu dengan Perdana Menteri dalam masa terdekat untuk memberi pandangan mengenai kemelut yang berlaku serta bagi mendapat restu daripada Abdullah untuk bertemu dengan Dr Mahathir.

"Kita mahu menjadikan keadaan lebih tenteram, kerana kita sudah mengalami keadaan yang amat pahit ketika Umno diharamkan," katanya.

Zaleha yang turut serta pada majlis dialog yang dihadiri Dr Mahathir di Taman Melawati, Kuala Lumpur, baru-baru ini, berkata beliau agak terkejut dan tidak menyangka majlis dialog itu juga dihadiri beberapa pemimpin pembangkang.

Tajol Rosli
Menteri Besar Perak

Oleh Ridzuan Yop